

'Titik hitam' yang merapatkan hubungan Malaysia-Indonesia

Perjanjian yg bermakna terhadap 112 juta rakyat serumpun bangsa

LIMA belas tahun yang lalu (11 Ogos, 1966) di hari ini, di Ibunegera Republik Indonesia—Jakarta, dua orang pemimpin dua bangsa serumpun, Tun Abdul Razak (kini Allahyarham) dan Bapak Adam Malik (kini Naib Presiden Republik Indonesia), telah menurukan tandatangan mereka ke atas satu perjanjian.

Perjanjian itu itu sesungguhnya mempunyai makna yang amat besar bagi lebih 100 juta rakyat Indonesia dan lebih 12 juta rakyat Malaysia. Ia adalah perjanjian damai. Ia menandakan tamatnya dasar Konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia yang mengandungi Negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Tiga tahun sebelum perjanjian itu, dua negara yang dianggap bersaudara—satu sebagai abang dan satu adik—kerana sebab-sebab politik semasa telah tidak berupaya untuk menghayati takdir hidup adira mereka.

Gerila-gerila Indonesia dan terdapat juga sebilangan kecil dalam Malaysia yang tidak seiring jalan dengan dasar negara pada masa itu, telah membuat serangan terhadap negara Malaysia, termasuk pendaratan melalui laut dan udara di tanah bersebelahan.

Maka berikhtilaf apa yang boleh dianggap satu babak permusuhan antara Malaysia dan Indonesia. Tetapi seperti kata pepatah Malaysia, lama air dicelup tidak akan putus, maka begitu lah babak hitam hubungan Malaysia dan Indonesia.

Peristiwa yang penting, hubungan persaudaraan itu perlu dilindungi dan dipertahankan, secara senyap-senyap beberapa negara bersaudara ini telah mengadakan hubungan suli. Mereka mempunyai satu cita-cita—menegembalikannya ke dalam memulihkan hubungan persaudaraan yang telah terputus disebabkan oleh dasar Konfrantasi tersebut.

'Joe Louis'
Dari kesedaran itu berikhtilaf hubungan suli antara pegawai-pegawai Malaysia dan Indonesia. Dalam perhubungan ini tokoh-tokoh seperti Encik Ali Moeropto, Jen. Murtani, Encik Abdul Rahman Ramiy (kemudiannya menjadi kuasa usaha Indonesia di Singapura selepas konfrantasi dan Encik Jarry Albert Sumodap dari Indonesia dan Tan Sri Ghazali Sbafile (ketika itu Setiausaha Tetap di Kementerian Luar Negeri) dan Datuk Abdul Jabid dari Malaysia di samping beberapa orang lain yang dipercayai telah berunding di Bangkok dan Manila.

Orang perhubungan penting dalam usaha ini termasuk di Malaysia ialah seorang rakyat Indonesia, Encik Des Alwiy. Beliau ketika itu telah tidak dibenarkan pulang ke Indonesia oleh Pemerintah Indonesia ketika itu.



● ALLAHYARHAM TUN RAZAK

Mereka ini semuanya telah menggunakan berbagai cara untuk bertemu dan berunding dan sering menggunakan nama kode. Tan Sri Ghazali sendiri dikenali sebagai 'Joe Louis'. Datuk Jabid dikenali sebagai 'Johan' sementara Des Alwiy pula dikenali sebagai 'Abu Bakar'.

Mereka telah mengadakan hubungan dan rundingan dengan begitu gigih tanpa mengena pada kerana matlamat utama mereka ialah untuk mengakhiri konfrantasi. Semasa perundingan mereka, dengan semangat itulah maka setelah berunding secara suli selama kira-kira 12 bulan akhirnya cita-cita mereka menjadi satu kenyataan yang membanggakan seluruh rakyat Indonesia dan Malaysia.

Sebagai pembuka tirai menandakan permulaan hubungan antara dua negara bersaudara ini maka pada 27 Mei 1966 satu rombongan tentera—semuanya pegawai-pegawai Kogam (Pejabat pemerintah yang mengeluarkan arahan ganyang Malaysia)—telah tiba di bumi Malaysia sebagai wakil Negeri Suharto untuk mengunjungi Perdana Menteri ketika itu

Tunku Abdul Rahman dan Timbalannya Tun Abdul Razak. Kunjungan pasukan ini dengan sendiri bertujuan menunjukkan bahawa pihak Indonesia adalah bersedia untuk berdamai dan menamatkan Konfrantasi. Ini adalah satu tanda yang disambut baik bukan sahaja oleh pemimpin-pemimpin negara ketika itu malah seluruh rakyat Malaysia. Kira-kira tiga bulan selepas itu, Tun Abdul Razak dan rombongan telah berlepas dari Kuala Lumpur untuk ke Jakarta bagi memotakan perjanjian damai Indonesia dalam perjanjian itu telah diwakili oleh Tun Adam Malik.

Artikel tiga perjanjian itu secara tegas telah menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia kini menamatkan tindakan permusuhan antara dua negara.

Maka ombak permusuhan yang telah melanda dua negara pun berlalu dan ini diikuti pula dengan ketenangan dan perdamaian yang semakin hari semakin erat. Usaha untuk melupakan detik-detik pahit dan hitam pekat itu pula diusahakan dengan gigih. Biarlah pengalaman pahit itu menjadi satu tauladan. Era hubungan Indonesia Malaysia yang baru pun



●SATU rombongan mahasiswa tentera Indonesia telah melakukan lawatan selama 8 jam ke Malaysia pada 27 Mei, 1966 sebagai tanda kesungguhan untuk menamatkan Konfrantasi Indonesia—Malaysia. Gambar menunjukkan Perdana Menteri ketika itu Tunku Abdul Razak bersama dengan bekas ketua rombongan Indonesia, Letnan Muda O.E. Sjaat, yang menemui Tunku di kediamannya di Alor Setar. Di kanan ialah Letnan Kolonel Ali Moeropto. Tiga bulan kemudian konfrantasi tamat.

bermulalah. Dari detik tersebut, dari hubungan rapat yang telah diadakan dalam banyak bidang, rombongan demi rombongan telah berulang alik di antara Jakarta dan Kuala Lumpur dan lain-lain wilayah dua-dua negara ini.

Kita menjadi rapat kerana telah wujud satu hubungan persaudaraan yang sukar sekali dihancurkan. Dengan adanya hubungan dalam bidang pelajaran, teknik, ketenteraan, ekonomi, agama dan lain-lainnya maka dirasakan dasar yang mengorbankan nyawa, usaha dan wang ringgit semasa konfrantasi itu tentu tidak akan berulang lagi kerana dua-dua negara ini telah pun banyak mempunyai persamaan yang begitu sukar untuk diubah. Pokoknya, dua-dua ingin mencapai kemajuan dan mewujudkan perdamaian.

Gigih

Dalam bidang ketenteraan, kerjasama erat telah terjalin. Begitu juga dalam bidang kepolitan. Latihan bersama dalam bidang ketenteraan telah diadakan dari masa ke masa. Sementara mengikut jadualnya pasukan polis Indonesia sering mengadakan mesyuarat bersama. Di bidang Kastam juga mereka berhaat untuk bekerjasama.

Di Malaysia sendiri, terdapat ramai para doktor Indonesia mem-

berikan khidmat baktinya kepada rakyat Malaysia. Di bidang perguruan baik di sekolah-sekolah mahupun universiti, penyarah-penyarah Indonesia, berganding bahu dengan saudara-saudaranya membantu dalam pendidikan anak-anak Malaysia dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Di samping itu, ramai juga anak-anak Malaysia yang ke Indonesia untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka di sana. Semuanya ini kerana hubungan persaudaraan itu tidak dapat memutuskan ikatan yang telah merapatkan kita semua.

Di hari ini 11hb Ogos, kita mengingati tarikh ini sebagai satu tarikh yang tidak boleh dilupakan. Kita mengingati tarikh ini bukan untuk mengingati detik hitam konfrantasi tetapi mengingatinya sebagai satu titik yang telah merapatkan kita semua. Satu tarikh yang tercatat dengan tinta emas sejarah hubungan dua negara serumpun dan sebahasa.

Perjanjian ejaan bersama antara Indonesia dan Malaysia telah membawa banyak faedah. Kini majalah, akhbar, buku-buku yang diterbitkan di dua-dua buah negara mudah dibaca oleh lebih dari 112 juta umat di rantau Indonesia dan Malaysia. Kita semakin rapat dan adanya ejaan baru ini memudahkan lagi usaha membawa rakyat Malaysia dan Indonesia untuk bekerjasama dalam banyak bidang demi kepentingan bersama.

Mimpi

Lapan belas tahun di hari ini, semua yang kita lihat sekarang mungkin dirasakan hanya boleh berlaku dalam mimpi. Tetapi 15 tahun yang lalu, mimpi itu telah dibicarakan oleh satu realiti kerana haat kita semua untuk hidup berbeza-baik, hormat menghormati dan yang lebih penting pula ialah hidup dalam rukun damai sesuai dengan pegangan hidup susana rantau Indonesia-Malaysia—lalu kita adalah bersaudara.

Tali ikatan persaudaraan ini kemudiannya telah dipererat lagi apabila Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura berseutu membentuk ASEAN. Melalui Asean—Persekutuan Negara-negara Asia Tenggara—kita bukan sahaja telah dapat bersama memajukan negara-negara dalam kumpulan ini malah dapat pula memulakan perancangan di peringkat antarabangsa dengan penuh berkesan.

Suara ASEAN kini bergema bukan sahaja di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi di banyak persidangan antarabangsa. ASEAN kini bukan sahaja dihormati oleh lain-lain negara malah pendiriannya yang tegas mengenai Kampuchea umpa-



●TAN SRI GHAZALI

manya — menjadi pedoman kepada kuasa-kuasa besar dunia. Sesungguhnya, dalam suasana yang gembira ini—hari ulang tahun ke-15 tamatnya konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia—kita rakyat Malaysia dan Indonesia boleh menghadapi masa depan yang lebih yakin bahawa kita akan terus erat dan menghayati takdir persaudaraan dengan lebih bermakna demi kepentingan seluruh bangsa Malaysia dan Indonesia.

Bahan asal dari Akrib Negara Malaysia